



SIARAN MEDIA **PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)**

“PENYERAHAN MANFAAT TAKAFUL BAGI PEMINJAM PTPTN YANG TELAH MENINGGAL DUNIA”

1. PTPTN mengadakan penyerahan manfaat takaful kepada waris Allahyarham Muhammad Taufeq bin Hassan iaitu mangsa tragedi amok di Bertam, Melaka dan waris Azrul Hisham bin Azman iaitu mangsa tragedi lemas di Air Terjun Batu 16, Gombak.
2. Ketika sesi penyerahan, PTPTN memberikan pengesahan penyelesaian keseluruhan hutang pinjaman PTPTN Allahyarham melalui manfaat Skim Perlindungan Takaful dan pemberian khairat kematian kepada waris Allahyarham. Majlis telah dihadiri oleh YBrs. Encik Abdul Ghaffar bin Yusop, Pengurus Besar Kanan, Jabatan Pemasaran dan Komunikasi Strategik, PTPTN.
3. Hutang pinjaman pendidikan PTPTN bagi Allahyarham Muhammad Taufeq bin Hassan adalah semasa pengajian di peringkat Diploma berjumlah RM15,000.00. Manakala hutang pinjaman pendidikan PTPTN bagi Allahyarham Azrul Hisham bin Azman adalah semasa pengajian di peringkat Ijazah berjumlah RM29,250.00.
4. Pada masa yang sama, terdapat seorang lagi mangsa tragedi lemas di Air Terjun Batu 16, Gombak iaitu Allahyarham Muhammad bin Abdullah yang juga merupakan peminjam PTPTN. Hutang pinjaman pendidikan PTPTN adalah semasa pengajian peringkat Ijazah berjumlah RM550.00. Allahyarham ketika kemalangan masih merupakan seorang pelajar dan

belum bergraduat namun masih tertakluk di bawah Skim Perlindungan Takaful Berkelompok Pinjaman Pendidikan PTPTN.

5. Melalui manfaat **Skim Perlindungan Takaful Berkelompok Pinjaman Pendidikan PTPTN**, kesemua pinjaman mangsa-mangsa tersebut telah selesai sepenuhnya. Pada masa yang sama waris masing-masing turut menerima RM1,500 bagi khairat kematian.
6. PTPTN sebagai sebuah agensi pembiaya utama pendidikan tinggi negara sentiasa memikirkan kebajikan peminjamnya. Dengan keprihatinan PTPTN ini mampu membantu meringankan beban yang ditanggung oleh para peminjam serta waris peminjam PTPTN.
7. Waris perlu memaklumkan kepada PTPTN sekiranya berlaku kematian atau keilangan kekal agar PTPTN boleh menguruskan tuntutan dan memberikan manfaat takaful serta khairat kematian kepada waris sebagaimana yang ditetapkan.
8. Bagi mana-mana peminjam yang telah meninggal dunia atau mengalami keilangan, waris/ penuntut perlu membuat tuntutan dengan melengkapkan **Borang Permohonan Tuntutan Takaful** yang boleh diperolehi melalui portal rasmi PTPTN www.ptptn.gov.my. Borang Permohonan Tuntutan Takaful beserta dokumen sokongan yang diperlukan hendaklah dikemukakan kepada **Pejabat PTPTN Negeri/ Cawangan** yang berhampiran atau diposkan ke Ibu Pejabat PTPTN, Menara PTPTN, Kuala Lumpur. Senarai pejabat PTPTN boleh diperolehi melalui portal rasmi PTPTN www.ptptn.gov.my.
9. Sehingga 31 Disember 2016, seramai 6,682 peminjam dengan jumlah RM107.64 juta telah menikmati manfaat perlindungan takaful. Sehingga 31 Disember 2016, PTPTN telah menyerahkan jumlah tuntutan khairat kematian kepada 6,073 penuntut/ waris dengan jumlah RM7.52 juta.

10. **Skim Pinjaman Pendidikan PTPTN** dengan **perlindungan takaful berkelompok** adalah **bertujuan untuk melindungi pinjaman PTPTN** yang diberikan sekiranya **berlaku kematian atau keilatan kekal menyeluruh** kepada **peminjam**.
11. Di bawah **konsep perlindungan takaful berkelompok** ini, **amaun prinsipal pinjaman pendidikan yang dikeluarkan oleh PTPTN kepada semua peminjam atau baki prinsipal akan mendapat perlindungan sepenuhnya** daripada syarikat pengendali takaful yang dilantik oleh PTPTN.
12. Setiap peminjam dikehendaki menanggung kos perlindungan takaful sebagaimana **termaktub dalam perjanjian pinjaman pendidikan**. Bagi peminjam yang masih belajar, kaedah potongan sumbangan takaful dibuat pada setiap kali pengeluaran pinjaman. Manakala bagi peminjam yang telah menamatkan pengajian dan potongan sumbangan takaful didapati tidak mencukupi atau berbaki negatif, caj tambahan bulanan akan didebitkan ke dalam akaun peminjam sebagai pinjaman tambahan.
13. Berkuat kuasa **1 Januari 2016**, kiraan **potongan sumbangan takaful** bagi Skim Pinjaman Pendidikan PTPTN semua tahun tajaan pula **adalah atas kadar RM0.59 setahun bagi setiap RM1,000 pinjaman** dengan mengambil kira pengeluaran pinjaman, tempoh pengajian dan tempoh bayaran balik yang telah ditetapkan.